

Berbuat Ihsan

AKTIVITI

1

LAYANAN KEPADA KELUARGA

Tandakan (✓) bagi keterangan betul dan (✗) bagi keterangan yang salah mengenai cara berbuat baik kepada ibu bapa, adik-beradik dan saudara-mara.

KETERANGAN	Jawapan
1. Membalas jasa ibu bapa dengan menjaga mereka ketika sedang sakit.	
2. Memujuk adik yang sedang menangis.	
3. Menghasut adik-beradik supaya tidak melawat saudara-mara yang jauh.	
4. Mencium tangan ibu bapa ketika bersalaman dengan mereka.	
5. Mengucapkan selamat dan bersalam-salaman apabila bertemu dengan saudara-mara.	
6. Merajuk dan tidak mahu makan apabila ayah menegur kesalahan kamu.	
7. Merendahkan badan dan meluruskan tangan kanan ke hadapan apabila berjalan di hadapan orang tua.	
8. Setiap ahli keluarga haruslah mengambil berat antara satu sama lain.	
9. Saling menyalahkan ahli keluarga apabila menghadapi kesulitan.	
10. Sentiasa mendoakan ahli keluarga dalam keadaan sejahtera dan selamat.	

